

Jabatan Perkhidmatan Awam,
Malaysia,
Tingkat 9 - 14, Bangunan UMBC.,
Jalan Sulaiman,
Kuala Lumpur.

14hb. Februari, 1974.

Tuan,

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 3 TAHUN 1974

Pembayaran Elaun Bantuan Khas Kepada Pekerja-Pekerja Dalam Badan-Badan Berkanun dan Kuasa-Kuasa Tempatan

Saya diarah menarik perhatian tuan kepada Surat-surat Pekeliling daripada Jabatan Akauntan Negara Bil. A.N.M. (T) 513/64 Pt. I -A (20) bertarikh 20hb. Oktober, 1973, A.N.M. SULIT 6/73/(27) bertarikh 10hb. Disember, 1973 and A.N.M. SULIT 6/73/(42) bertarikh 29hb. Disember, 1973 mengenai perkara yang tersebut di atas dan menyatakan bahawa keraguan telah timbul atas samada Elaun Bantuan Khas boleh juga dipanjangkan kepada pekerja-pekerja dalam Badan-badan Berkanun dan Kuasa-Kuasa Tempatan. Jabatan ini telah di fahamkan bahawa ada setengah Badan-Badan Berkanun dan Kuasa-Kuasa Tempatan yang telah melaksanakan pembayaran Elaun tersebut kepada pekerja-pekerja mereka dan ada pula di antara mereka yang belum berbuat demikian kerana khuatir kalau-kalau Surat Pekeliling tersbut tidak meliputi pekerja-pekerja mereka. Surat Pekeliling ini dikeluarkan dengan tujuan memberi penjelasan terhadap keraguan yang timbul itu.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pembayaran Elaun Khas mengikut Surat-surat Pekeliling daripada Jabatan Akauntan Negara seperti di [Lampiran A, B, C](#) dan [D](#) itu hendaklah dipanjangkan kepada kesemua pekerja-pekerja dalam Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan yang berkelayakan. Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan yang belum melaksanakan pembayaran Elaun Bantuan Khas itu hendaklah berbuat demikian dengan segera. Tarikh mula pembayaran tersebut dikuatkuasa ialah pada [1hb. Oktober, 1973]¹
3. Adalah ditegaskan di sini bahawa semua elaun yang merupakan elaun yang berubah-ubah dan tidak tetap (variable allowance) seperti elaun lebih masa dan elaun gantian (reimbursable allowance) [seperti elaun hidup]² adalah dikechualikan dan tidak akan dikira bagi maksud pendapatan tetap bulanan seseorang pekerja itu. Begitu juga seseorang pekerja samada lelaki atau wanita yang tidak menerima elaun sewa rumah, kecuali mereka yang menerima gaji berseh, maka elaun rumah itu tidaklah harus dikira bagi maksud pendapatan tetap bulanan pekerja tersebut.

¹ Tarikh ini membatalkan dan menggantikan tarikh asal menurut [SPP. Bil. 6/74](#), bertarikh 28.2.74. Tarikh asal ialah "1hb. November 1973".

² Perkataan ini membatalkan dan menggantikan perkataan asal menurut [SPP. Bil. 9/74](#) bertarikh 20.5.74. Perkataan asal ialah "elaun sara hidup".

CATATAN

Elaun Hidup adalah bermaksud sebagai 'subsistence allowance'

Elaun Sara Hidup adalah dimaksudkan sebagai 'COLA'.

Sekianlah dimaklumkan.

Saya yang menurut perintah,

(AHMAD SALLEHUDIN BIN AHMAD JALALUDIN)

Bahagian Gaji,

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

Malaysia.

Semua ketua-ketua Setiausaha Kementerian-kementerian.

Y.B. Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri.

s.k. Jabatan Akauntan Negara, Malaysia, Kuala Lumpur.

s.k. Semua Badan-badan Berkanun/Kuasa-Kuasa Tempatan.

"Lampiran A"

JABATAN AKAUNTAN NEGARA,
MALAYSIA,
KUALA LUMPUR. 01-02.

20hb. Oktober, 1973.

Ketua Setiausaha-setiausaha Kementerian dan Ketua-ketua Jabatan Persekutuan,
Setiausaha-setiausaha Kerajaan dan Ketua-ketua Jabatan Negeri,
Ketua Perwakilan Malaysia di Seberang Laut,
Akauntan-akauntan Negeri Sabah dan Sarawak,
Akauntan-akauntan Perbendaharaan,
Bendahari-bendahari Negeri,
Pemegang-pemegang Panjar.

Tuan,

Pembayaran Elaun Bantuan Khas (Special Relief Allowance)

Berikut dengan keputusan Kerajaan hendak membayar Elaun Bantuan Khas (EBK) kepada semua kakitangan Kerajaan Persekutuan dan Negeri, Ahli-ahli Angatan Tentera dan Polis dan Pesara-pesara, maka pihak tuan adalah diminta mengambil tindakan bagi membayar Elaun Bantuan Khas itu dengan seberapa segera yang boleh dan jika dapat sebelum hari perayaan Deepavali dan Hari Raya tahun ini. Bagi maksud ini tuan adalah dikehendaki mengambil tindakan seperti berikut:-

(i) Pembayaran elaun itu hendaklah berasaskan jumlah gaji yang dinyatakan di bawah ini dan ianya hendaklah mengikut jumlah gaji yang diterima bagi bulan Oktober, 1973. Jumlah gaji (renumeration) yang dimaksudkan di sini hendaklah termasuk elaun sara hidup yang diterima, elaun perumahan, elaun pemangkuhan dan lain-lain elaun sama ada elaun itu berpencen atau pun tidak. Kadar-kadar yang boleh dibayar adalah seperti berikut:-

<u>Jumlah Gaji (termasuk semua elaun yang diterima)</u>	<u>Kadar Elaun Bantuan Khas(EBK)</u>
Antara \$300/- dan ke bawah	\$ 30/-
Antara \$301/- hingga \$400/-	\$ 20/-
Antara \$401/- hingga \$500/-	\$ 15/-

(ii) Bagi menyegerakan pembayaran elaun di atas ini satu lembaran gaji khas hendaklah disediakan untuk tujuan tersebut seperti contoh di lampiran 'A' bersama ini. Satu cek hendaklah dikeluarkan bagi jumlah lembaran gaji itu dan Kementerian/Jabatan dan Pejabat adalah diminta menukar cek tersebut dan membayar semua kakitangan yang telibat dengan wang tunai. Lapuran Perubahan Gaji (Kow. 8) bolehlah dibuat kemudiannya. Lembaran gaji khas itu hendaklah disediakan dalam 3 salinan dan dibahagi-bahagikan mengikut sebagaimana yang lazim dibuat bagi lembaran gaji biasa.

(iii) Bagi jabatan Persekutuan bayaran Elaun Bantuan Khas ini hendaklah dikenakan di bawah pecahan kepala (1200) di bawah butiran lanjut "Elaun Bantuan Khas" (1241). Bagi jabatan Negeri pecahan kepala Elaun Bantuan Khas itu akan ditetapkan oleh Pegawai Kewangan Negeri/Pihak berkuasa Kewangan Negeri yang berkenaan.

(iv) Ketua-ketua Kementerian/Jabatan adalah bertanggungjawab tentang betulnya bayaran Elaun Bantuan Khas yang dibuat, dan sekiranya berlaku pembayaran terlebih atau terkurang maka palarasan yang sewajarnya hendaklah dibuat kemudiannya.

v) Pembayaran Elaun Bantuan Khas ini hendaklah dibayar daripada peruntukan yang sedia ada; tetapi jika mana-mana jabatan yang tiada mempunyai peruntukan, atau peruntukan tidak cukup, mereka boleh terus membuat pembayaran dan meminta peruntukan itu kemudiannya. Walau bagaimana pun permohonan untuk tambahan peruntukan itu hendaklah dibuat dengan segera supaya dapat diselesaikan dalam tahun ini juga.

2. Adalah juga diingatkan bahawa Elaun Bantuan Khas ini adalah berupa elauan sementara dan tidak dikenakan cukai pendapatan atau tertakluk kepada pencaruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

3. Sekiranya pihak tuan menghadapi apa-apa kesulitan atau keraguan dalam melaksanakan pembayaran elauan khas ini maka tuan bolehlah menghubungi Jabatan Akauntan Negara (Tel. 83131) untuk mendapat penjelasan lanjut daripada salah seorang pegawai-pegawai berikut:-

Lampiran 'A'

Elaun Bantuan Khas Bagi Bulan.....1973
(Dibayar mengikut kadar yang diluluskan)

Kementerian/Jabatan.....

Kepala.....

No. Siri/ No. Gaji	Nama Pekerja	Jumlah Pendapatan Bulanan \$	Elaun Bantuan Khas \$	Tandatangan Pekerja
		Jumlah		

Disahkan betul

.....

Ketua Jabatan/Pejabat

Diluluskan untuk pembayaran.

.....

(Pegawai Yang Meluluskan)

Saya akui bahawa saya telah membayar semua pekerja-pekerja yang disebutkan di atas berjumlah \$..... (Ringgit
..... dan sen sahaja)

.....
Pegawai Pembayar

- | | |
|--|------------|
| 1. Y.M. Raja Abdul Aziz bin Raja Salim | (Ext. 364) |
| 2. Encik Zainul Abidin bin Yahaya | (Ext. 297) |
| 3. Encik Abdul Hamid bin Sawal | (Ext. 250) |
| 4. Encik Yim Khai Pun | (Ext. 379) |

Sekianlah.

Saya yang menurut perintah,

(SHAMSIR BIN OMAR)

Akauntan Negara,

Malaysia.

N.B.
(Sila lihat Lampiran 'A' di sebelah)

"LAMPIRAN B"

JABATAN AKAUNTAN NEGARA,
MALAYSIA,
KUALA LUMPUR 01-02.

19hb. November, 1973.

Ketua Setiausaha-setiausaha Kementerian dan Ketua-ketua Jabatan Persekutuan,
Setiausaha-setiausaha Kerajaan, Pegawai-pegawai Kewangan dan Ketua-ketua Jabatan
Negeri,
Ketua Perwakilan Malaysia di Seberang Laut,
Aktauntan-akauntan Negeri Sabah dan Sarawak,
Aktauntan-akauntan Perbendaharaan,
Bendahari-bendahari Negeri,
Pemegang-pemegang Panjar.

Tuan,

Pembayaran Elaun Bantuan Khas (Special Relief Allowance) Kepada Pekerja-pekerja Kerajaan Persekutuan/Negeri, Badan Berkanun/Kuasa Tempatan

Berlanjutan kepada surat pekeliling saya bilangan ANM.(T) 513/64 Pt. I - A/ (20) bertarikh 20hb. Oktober, 1973, Ketua Kementerian/Jabatan/Pejabat Badan Berkanun/Kuasa Tempatan adalah diingatkan iaitu dalam melaksanakan pembayaran Elaun Bantuan Khas itu perkara-perkara yang dinyatakan di bawah ini hendaklah diambil perhatian:-

(i) Pembayaran Elaun Bantuan Khas (EBK) hendaklah berdasarkan jumlah pendapatan (total enumerations) yang diterima oleh seseorang kakitangan itu dan ini adalah termasuk semua jenis elaun dan pembayaran yang diterima oleh seseorang pekerja itu sama ada elaun/pembayaran itu tetap atau sementara, berpenchen atau pun tidak, dan juga termasuk semua elaun/pembayaran yang dibuat berasingan dan yang tidak dimasukkan ke dalam lembaran gaji. Walau bagaimana pun elaun yang berupa bayaran balik (reimbursement) atas perbelanjaan yang telah dilakukan kerana menjalankan tugas resmi adalah dikecualikan bagi maksud pengiraan EBK.

(ii) Kadar pembayaran EBK hendaklah berpadukan kepada angka-angka berikut:-

<u>Jumlah Gaji (termasuk semua elaun yang diterima)</u>	<u>Kadar EBK</u>
Antara \$200.00 dan ke bawah sebulan	\$30.00
Antara \$200.01 sen hingga \$300.00 sebulan	\$30.00
Antara \$300.01 sen hingga \$400.00 sebulan	\$20.00
Antara \$400.01 sen hingga \$500.00 sebulan	\$15.00

(iii) EBK hendaklah dibayar kepada semua pekerja yang patut menerimanya tidak kira sama ada mereka berjawatan tetap, memegang jawatan sementara, bergaji harian atau pun dalam jawatan kontrek. Semua kakitangan rumah, tukang kebun dan drebar yang diperuntukan kepada Menteri,

Timbalan Menteri, Hakim Yang diPertua Dewan Rakyat, Yang DiPertua Dewan Negara, Pegawai Tinggi Kerajaan, Pengurus dan Pengurus Besar Kuasa Berkanun adalah layak menerima EBK ini dengan syarat gaji atau elaun mereka ditanggung terus atau dibayar melalui majikan mereka oleh Kerajaan Persekutuan/Negeri atau Kuasa Berkanun itu. Walau bagaimana pun pekerja sambilan (casual employee) dan pekerja separuh masa (part time employee) tidaklah dibayar elaun EBK.

Gulungan ini bukan sahaja meliputi semua kakitangan yang dilantik secara sambilan bagi sesuatu tugas atau projek tetapi juga mereka yang dilantik dengan tidak mengikut sesuatu sekim perkhidmatan yang tertentu, dan mereka yang dilantik dan tidak memegang mana-mana jawatan yang telah diluluskan (approved establishments), dengan tidak mengira sama ada mereka diberi bayaran bulanan yang tetap atau mengikut masa mereka bekerja.

(iv) Jika seseorang pekerja harian (daily rated employees i.e. those who are employed on approved posts and under an established scheme of service) bekerja hanya sebahagian daripada sesuatu bulan itu maka ianya bolehlah dibayar EBK 'propotionately' mengikut banyak hari ia bekerja. Bagi menyenangkan pengiraan EBK takrif 'sebulan' bagi maksud ini ialah 30 hari tidak kira sama ada sesuatu bulan itu mempunyai bilangan 28, 29 atau 31 hari.

(v) Kakitangan yang ditahan kerja (interdicted staff) boleh juga dibayar EBK sekiranya jumlah pendapatan bulanannya adalah dalam had lengkungan yang ditetapkan itu. Walau bagaimana pun ia hanya boleh dibayar separuh EBK sahaja jika ia menerima separuh gaji dan begitulah seterusnya mengikut banyak bahagian gaji (termasuk semua elaun) yang dibayar kepadanya. Baki EBK yang tidak dibayar itu bolehlah dijelaskan kepadanya jika tindakan yang sedang diambil ke atasnya selesai dan gaji penuhnya di beri balik.

(vi) EBK hendaklah diubah, dilaras atau dihentikan apabila sahaja berlaku perubahan kepada jumlah pendapatan pekerja yang menerimanya sama ada dengan jalan mendapat kenaikan gaji, elaun pemangku, elaun anak, elaun seberang laut, elaun kenderaan dan sebagainya. Ketua Kementerian/Jabatan /Pejabat adalah diingatkan bahawa kakitangan yang menerima EBK tidaklah boleh dibenarkan menolak atau meminta menangguhkan kenaikan gaji mereka atau pembayaran apa-apa elaun yang lain semata-mata kerana hendak terus mendapat elaun EBK yang lebih banyak daripada kenaikan gaji atau elaun yang patut diterimanya itu.

(vii) Orang-orang pencer yang diambil bekerja semula (reemployed pensioners) atau balu mereka termasuk balu yang menerima pencer Balu dan Anak Yatim (W. & O. P.) yang bekerja dengan Kerajaan atau Badan Berkanun/Kuasa Tempatan dibenarkan menerima EBK cuma dari salah satu punca pendapatan sahaja - iaitu sama ada dari pencer atau dari pendapatan yang diterima dari pekerjaannya, mengikut mana yang lebih berfaedah kepadanya. Berkennaan ini Setiausaha-setiausaha Kementerian adalah diminta supaya memberitahu semua Jabatan dan Badan Berkanun/Kuasa Tempatan yang dibawah kawalan kementerian mereka supaya meneliti pembayaran di bawah kawalan Kementerian mereka supaya meneliti pembayaran EBK kepada orang-orang pencer atau balu-balu yang menerima pencer yang sedang berkhidmat dengan mereka bagi melihat bahawa salah-bayar EBK tidak berlaku, dan meminta mereka memberi maklumat yang lengkap kepada Ketua Pengarah, Bahagian Pencer, Jabatan Perkhidmatan Awam, Tingkat 11, Bangunan Oriental Plaza, Jalan Parry, Kuala Lumpur, mengenai orang-orang yang menerima pencer yang bekerja dengan mereka.

(viii) Oleh kerana pembayaran EBK bergantung kepada banyaknya jumlah pendapatan yang diterima oleh seseorang pekerja maka bagi menyenangkan kerja adalah dicadangkan di mana didapati pendapatan seseorang kakitangan itu sentiasa berubah tiap-tiap bulan maka pembayaran EBK hendaklah dibuat atas senarai Lampiran 'A' seperti yang dikembarkan kepada surat pekeliling saya bertarikh 20hb. Oktober, 1973 itu. Di mana perubahan gaji dan elaun tidak atau jarang berlaku maka EBK bolehlah dimasukkan terus ke dalam Lembaran Gaji sebagaimana elaun-elaun yang lain.

(ix) Oleh kerana EBK tidak dikenakan cukai pendapatan atau tertakluk kepada caruman K.W.S.P. maka elaun ini hendaklah ditunjukkan berasingan daripada pendapatan biasa pekerja. Ini adalah perlu untuk menyenangkan pengiraan cukai dan juga untuk mengelakkan kekeliruan kelak.

(x) Bagi Kementerian/Jabatan yang menggunakan mesin akaun elektronik atau komputer tindakan hendaklah diambil bagi memberitahu jabatan-jabatan yang berkaitan dengannya tentang nombor kod yang hendak digunakan bagi EBK.

(xi) Ketua-ketua Kementerian/Jabatan /Pejabat Persekutuan/Negeri adalah diingatkan sekali lagi supaya mengambil tindakan segera bagi mendapatkan peruntukan yang mencukupi bagi membayar EBK dari Perbendaharaan Persekutuan/Negeri mengikut mana yang berkenaan bagi tahun 1973 dan juga bagi tahun hadapan.

2. Semua pembayaran EBK yang telah dibuat bertentangan dengan peruntukan surat pekeliling ini hendaklah dilaras dan dihentikan dengan sertamerta.

3. Jika didapati apa-apa kesulitan dalam melaksanakan pembayaran EBK maka penjelasan yang lanjut bolehlah didapatkan daripada Jabatan Akauntan Negara atau dari jabatan Perkhidmatan Awam jika kesulitan itu berkaitan dengan prinsip-prinsip perkhidmatan.

Sekianlah.

Saya yang menurut perintah,

(SHAMSIR BIN OMAR)

Akauntan Negara,

Malaysia.

s.k. Semua Badan Berkanun/Kuasa Tempatan.

Untuk makluman dan panduan.

LAMPIRAN C

JABATAN AKAUNTAN NEGARA,
MALAYSIA,
KUALA LUMPUR 01-02.

10hb. December, 1973.

Ketua Setiausaha-setiausaha Kementerian dan Ketua-ketua Jabatan Persekutuan,
Setiausaha-setiausaha Kerajaan, Pegawai-pegawai Kewangan dan Ketua-ketua Jabatan
Negeri,
Ketua Perwakilan Malaysia di Seberang Laut,
Aktauntan-akauntan Negeri Sabah dan Sarawak,
Aktauntan-akauntan Perbendaharaan,
Bendahari-bandahari Negeri,
Pemegang-pemegang Panjar,

Tuan,

Pembayaran Elaun Bantuan Khas (Special Relief Allowance) Kepada Pekerja-pekerja Kerajaan Persekutuan/Negeri, Badan Berkanun/Kuasa Tempatan (Surat Pekeliling Yang Ke 3)

Merujuk kepada Surat Pekeliling saya yang pertama rujukan ANM.(T) 513/64 Pt. I- A (20) bertarikh 20hb. Oktober, 1973 dan yang kedua rujukan ANM. SULIT 6/73 (11) bertarikh 19hb. November, 1973 mengenai perkara di atas ini, adalah dimaklumkan bahawa pembayaran/elaun lebih masa (overtime payment/allowance) adalah dikecualikan daripada pengiraan jumlah pendapatan seseorang kakitangan itu bagi maksud pembayaran Elaun bantuan Khas. Adalah juga diputuskan iaitu apa-apa pembayaran/elaun lain yang setiasa berubah dan tidak tetap (variable allowance) yang diberi kepada seseorang pekerja itu tiap kali ia menjalankan kerja-kerja yang lain daripada tugas biasa jawatannya bolehlah juga dikecualikan dalam menentukan jumlah pendapatan seseorang pekerja itu. Misalnya jika seseorang yang memegang jawatan posmen atau technician diarahkan memandu kereta dan diberi elaun memandu tiap kali memandu, maka elaun yang didapatinya itu bolehlah dikecualikan dari mengira jumlah pendapatannya bagi maksud pembayaran EBK. Begitu juga jika seseorang itu dikehendaki bekerja diluar (field duty) dan diberi 'camping allowance' atau 'hard living allowance' bagi tiap kali ia bekerja diluar itu maka elaun itu bolehlah juga dikecualikan. Pada lazimnya pembayaran elaun seperti ini adalah mengikut banyak masa yang digunakan bagi menjalankan sesuatu kerja lain itu atau mengikut bilangan kali kerja yang lain dari kerja biasa seseorang kakitangan itu dibuat. Walau bagaimana pun elaun gantian tetap (fixed commuted allowance) seperti 'mast climbing allowance' dan 'fixed monthly travelling allowance' yang setiap bulan diterima oleh seseorang pekerja itu dengan tidak mengira sama ada kerja yang baginya elaun-elaun itu diberi dibuat atau tidak (i.e. irrespective of whether the duty for which the allowance is given is performed or not) tidaklah boleh dikecualikan bagi tujuan mengira kelayakan menerima EBK.

2. Semua Ketua Kementerian/Jabatan/Pejabat adalah diingatkan bahawa setakat ini jabatan ini telah hanya mengeluarkan 3 surat Pekeliling sahaja mengenai pembayaran Elaun Bantuan Khas. Surat-surat Pekeliling tersebut adalah seperti berikut:-

	<u>Rujukan</u>	<u>Tarikh</u>
(i) Surat Pekeliling Pertama	A.N.M.(T)513/64 Pt. 1-A/(20)	20hb. Oktober, 1973
(ii) Surat Pekeliling Kedua	A.N.M.SULIT 6/73/(11)	19hb. November, 1973
(iii) Surat Pekeliling Ketiga	A.N.M.SULIT 6/73/(27)	10hb. December.

1973

Sekianlah.

Saya yang menurut perintah,

(SHAMSIR BIN OMAR)

Akauntan Negara,

Malaysia.

LAMPIRAN D

JABATAN AKAUNTAN NEGARA,
MALAYSIA,
JALAN RAJA,
KUALA LUMPUR

29hb. Disember, 1973.

Ketua Setiausaha-setiausaha Kementerian dan Ketua-ketua Jabatan Persekutuan,
Setiausaha-setiausaha Kerajaan, Pegawai-pegawai Kewangan dan Ketua-ketua Jabatan
Negeri,
Ketua Perwakilan Malaysia di Seberang Laut,
Akauntan-akauntan Negeri Sabah dan Sarawak,
Akauntan-akauntan Perbendaharaan,
Bendahari-bendahari Negeri,
Pemegang-pemegang Panjar.

Tuan,

Pembayaran Elaun Bantuan Khas (Special Relief Allowance) Kepada Pekerja-pekerja
Kerajaan Persekutuan/Negeri, Badan Berkanun/Kuasa Tempatan
(Surat Pekeliling Yang Ke 4)

Dalam melaksanakan pembayaran Elaun Bantuan Khas seperti di atas ini didapati kesulitan masih lagi dialami oleh beberapa pihak, khususnya tentang menentukan kelayakan seseorang pekerja itu menerima elaun tersebut dalam keadaan dan situasi yang tertentu. Misalnya kesulitan didapati tentang sama ada pembayaran EBK boleh dibuat kepada seseorang pekerja yang bercuti tanpa kebenaran atau pun pekerja yang bercuti tanpa gaji dan begitulah seterusnya.

2. Bagi faedah jabatan-jabatan lain yangungkin ada mengalami kesulitan yang sama maka di sini diturunkan beberapa penjelasan untuk panduan semua pihak yang berkenaan:-

- (i) Sungguh pun perenggan 1 (iv) surat pekeliling ANM.SULIT 6/73/(11) bertarikh 19hb. November, 1973 itu hanya menyatakan pekerja yang bergaji harian sahaja, tetapi memandangkan kepada kesulitan-kesulitan yang timbul perenggan tersebut bolehlah dipanjangkan untuk meliputi semua pekerja-pekerja lain yang tidak termasuk dalam gulungan "daily rated employees".
- (ii) Bagi menyenangkan pengiraan pembayaran kepada seseorang pekerja itu hendaklah terus berasaskan kepada hari bekerja sebanyak 30 hari sebulan dengan tidak mengira sama ada sesuatu bulan itu mempunyai bilangan 28, 29 atau 31 hari.
- (iii) EBK boleh dibayar kepada pekerja-pekerja bagi hari cuti seperti yang dinyatakan di bawah ini:-
 - (a) Cuti rehat (vacation leave),
 - (b) Cuti sakit (sick leave),
 - (c) Cuti awam (public holiday),

- (d) Cuti mingguan (weekly holiday),
 - (e) Cuti tanpa rekod (unrecorded leave),
 - (f) Cuti khas (special leave),
 - (g) Cuti menunaikan fardhu haji (pilgrimage leave),
 - (h) Cuti bersalin (maternity leave),
 - (i) Cuti belajar dan cuti basiswa (study and scholarship leave),
 - (j) Cuti khas yang diumumkan (special declared holiday).
- (iv) Pembayaran EBK hendaklah juga dikurangkan kepada separuh sahaja jika seseorang pekerja itu bercuti dengan separuh gaji (i.e. on half pay leave) kerana sakit atau belajar atau sebab-sebab lain yang diluluskan.
- (v) Seseorang pekerja yang bercuti tanpa gaji (i.e. on no pay leave) tidaklah boleh diberi EBK. Gulungan ini termasuk juga mereka yang bercuti tanpa gaji tetapi diberi elaun selama tempuh mereka bercuti itu. Misalnya, pekerja-pekerja yang bercuti belajar tanpa gaji tetapi diberi elaun yang bersamaan dengan separuh gaji tidaklah boleh dibayar EBK. Sekiranya seseorang pekerja itu diberi cuti tanpa gaji dalam beberapa hari sahaja dalam sebulan maka EBK yang dibayar kepadanya itu hendaklah disusutkan mengikut bilangan hari cuti tanpa gaji itu diambil.
- (vi) Pembayaran EBK hendaklah disusutkan "proportionately" jika seseorang pekerja itu bercuti tanpa kebenaran (i.e. absent without leave) tidak mengira sama ada gajinya dipotong atau pun tidak bagi hari yang ia bercuti tanpa selulusan itu.
- (vii) Pekerja-pekerja "on attachment" yang telah dilantik mengikut sesuatu sekim Perkhidmatan yang tertentu bolehlah dibayar EBK. Tetapi orang-orang yang sedang diberi latihan dan belum sebenarnya lagi dilantik sebagai pekerja (i.i. sebagai kakitangan biasa Kerajaan Persekutuan/Negeri, Badan Berkanun/Kuasa Tempatan) mengikut syarat dan tangga gaji yang terkandung dalam sesuatu sekim perkhidmatan yang tertentu tidaklah boleh di beri EBK.
- (viii) Pekerja-pekerja pengganti, seperti guru-guru pengganti (relief teachers), adalah dianggap sebagai pekerja sambilan dan oleh itu tidak layak dibayar EBK.

3. Oleh kerana pembayaran EBK baharu sahaja dilaksanakan maka ada kemungkinan banyak lagi jabatan-jabatan yang sedang mengalami beberapa masalah dalam melaksanakan pembayaran elaun tersebut. Bagi mengelakkan sesuatu perkara salah bayar berlaku maka jabatan-jabatan yang menghadapi apa-apa kesulitan dalam membayar EBK ini adalah diminta berhubung dengan Jabatan Akauntan Negra dengan seberapa segera yang boleh bagi mendapatkan penjelasan.

4. Untuk makluman semua setakat ini surat-surat pekeliling mengenai pembayaran EBK yang telah dikeluarkan oleh jabatan ini ada-lah seperti berikut:-

	<u>Rujukan</u>	<u>Tarikh</u>
Surat Pekeliling Pertama	A.N.M.(T) 513/64 pt.1-A/(20)	20hb. Oktober, 1973
Surat Pekeliling Kedua	A.N.M. SULIT 6/73/(11)	19hb. November, 1973
Surat Pekeliling Ketiga	A.N.M. SULIT 6/73/(27)	10hb. December, 1973
Surat Pekeliling Keempat	A.N.M. SULIT 6/73/(42)	29hb. December, 1973

Sekianlah.

Saya yang menurut perintah,

(SHAMSIR BIN OMAR)
Akauntan Negara,
Malaysia.

s.k. Semua Badan Berkanun/Kuasa Tempatan.
Untuk makluman dan panduan.